

Subsidi mampu bantu k'jaan capai objektif
Malaysiakini.com
May 21, 2011

Ketua ekonomi kumpulan RAM Holdings Bhd, Dr Yeah Kim Leng berkata "subsidi yang direka dan disasarkan dengan baik boleh membantu kerajaan memenuhi objektif berkembar sosio-ekonomi."

Bernama memetik beliau sebagai berkata bantuan subsidi mampu meningkatkan pengeluaran dan pada masa yang sama menyederhanakan beban kenaikan harga terhadap kumpulan berpendapatan rendah serta menjejaskan tekanan harga secara keseluruhan.

Katanya, kerajaan mungkin tertekan untuk memenuhi 5.2 peratus defisit fiskal yang diunjurkan untuk tahun ini berikutan kenaikan sekali ganda subsidi bahan bakar yang disasarkan untuk tahun ini yang dikatakan bersamaan dengan satu peratus daripada anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2011 negara.

"Kami menjangkakan yang perasionalan subsidi untuk para pengguna akan berterusan pada rentak yang berperingkat.

"Ia bagaimanapun, mungkin tidak lama lagi ekoran tempoh enam bulan untuk pelarasan harga di bawah program rasionalisasi yang diketuai oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (PEMANDU), katanya.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada hari Isnin selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kabinet mengenai Bekalan dan Harga yang kerajaan menjangkakan nilai subsidi tahun ini akan dinaikkan kepada RM20.58 bilion daripada RM10.32 bilion pada 2010.

Muhyiddin berkata daripada jumlah ini, RM18 bilion hanya untuk produk petroleum -- RON 95, diesel dan gas petroleum cecair.

Yeah berkata bagaimanapun, terdapatnya keperluan untuk meningkatkan kecekapan dalam proses penjayaan untuk mengurangkan sisa dan kebocoran subsidi.

Subsidi kerajaan, terutamanya untuk pengeluaran pertanian, sektor perikanan dan pengangkutan, dijangka tidak akan ditarik balik, katanya.

Menuryt Yeah lagi, kunci utama memerangi desakan kos inflasi bukan hanya untuk memastikan bekalan yang cukup tetapi menghalang kekurangan yang tidak asli yang menyebabkan harga melonjak ekoran belian panik.

"Menaikkan tahap pelaburan dan pengeluaran serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti pasaran seiring dengan keseluruhan rantaian bekalan juga merupakan langkah utama dalam memerangi inflasi," kata beliau.